



SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) FELDA TERSANG, RAUB, PAHANG

Aktiviti dibenarkan

- Seorang (1) wakil dari setiap rumah membeli barang keperluan; & Perkhidmatan perlu (*Essential Services*).

Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; &
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberkuasa di bawah Akta 342.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
--------------------	--------	---------------------------	--	---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang terlibat	Antara kawasan yang terlibat: 1. Felda Tersang 1 2. Felda Tersang 2 3. Felda Tersang 3
Tempoh Berkuatkuasa	28 Mei 2021 (12.01 pagi) sehingga 10 Jun 2021 (11.59 malam).
Kawalan Pergerakan	PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM dan RELA. Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. Tiada sebarang pergerakan tidak perlu di luar kawasan kediaman selepas jam 8.00 malam kecuali bagi kes-kes kecemasan atau mendapat kebenaran PDRM.



SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) FELDA TERSANG, RAUB, PAHANG

Dikemaskini pada 26 Mei 2021

Aktiviti dibenarkan

Seorang (1) wakil dari setiap rumah membeli barang keperluan; &

- Perkhidmatan perlu (*Essential Services*).

Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; &
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
--------------------	--------	---------------------------	--	---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan Penerangan Ringkas

Aktiviti di dalam Kawasan PKPD

- Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (essential services) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.
- Masjid dan Surau dibenarkan untuk azan dan solat berjemaah dengan kehadiran tiga (3) orang pegawai masjid/ surau sahaja dengan tambahan seorang AJK tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri.
- Pengecualian hanya diberikan kepada **seorang (1)** wakil dari setiap rumah untuk membeli barang keperluan dan perkhidmatan dalam kawasan PKPD.
- Semua sektor ekonomi dibenarkan beroperasi bermula jam **8.00 pagi hingga 8.00 malam** sahaja tertakluk kepada SOP yang berkuatkuasa.
- Bagi peniaga makanan hanya dibenarkan secara pembungkusan dan COD sahaja.



SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) FELDA TERSANG, RAUB, PAHANG

Dikemaskini pada 26 Mei 2021

Aktiviti dibenarkan

- Seorang (1) wakil dari setiap rumah membeli barang keperluan; &
- Perkhidmatan perlu (*Essential Services*).

Aktiviti tidak dibenarkan

Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; &
Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

	Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
--	--------------------	--------	---------------------------	--	---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none">• Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<ol style="list-style-type: none">a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; danb) membeli keperluan asas.• Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.• Aktiviti majlis rasmi termasuk mesyuarat, majlis sosial, kebudayaan, keagamaan di masjid/ surau dan rumah ibadat bukan Islam, sukan dan rekreasi adalah TIDAK DIBENARKAN.• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.• Semua sekolah ditutup sepanjang tempoh ini.• Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri.